

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20213
PRINSIP PERAKAUNAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH BELAS (17)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.


BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah proses terakhir yang disediakan dalam kitaran perakaunan? CLO1

T3

- A** Penyediaan Lejar
- B** Penyediaan Jurnal
- C** Penyediaan Penyata Kewangan
- D** Penyediaan Imbangan Duga Terselaras

2. Rajah 1 di bawah ini berkaitan dengan satu dokumen. CLO1

T3**Rajah 1**Apakah dokumen **Q**?

- A** Sebut harga
 - B** Nota serahan
 - C** Pesanan belian
 - D** Makluman debit
3. Apakah dokumen yang menunjukkan perhubungan antara pemilik dengan CLO1 T3 perniagaan?

- A** Memo
- B** Resit
- C** Nota kredit
- D** Makluman debit

CLO1T3

4. Apakah jenis diskaun yang diberikan kepada pelanggan kerana pembayaran awal?

- A Diskaun Tunai
- B Diskaun Niaga
- C Diskaun Belian
- D Diskaun Jualan

CLO1T3

5. Apakah elemen utama yang terdapat dalam satu catatan jurnal am?

- A Jumlah jualan, baki akhir, dan belanja prabayar.
- B Tarikh, butir, folio, jumlah debit dan jumlah kredit.
- C Tarikh, penyata kewangan, jumlah modal dan aset.
- D Liabiliti, aset bukan semasa, dan akaun belum terima.

CLO1T3

6. Lejar merupakan _____

- A buku yang merekodkan nilai stok bagi satu tempoh perakaunan.
- B buku yang merekodkan semua hasil dan belanja untuk mengira keuntungan perniagaan.
- C buku yang merekodkan pendapatan dan perbelanjaan dalam satu tempoh perakaunan.
- D buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun yang digunakan untuk merekodkan urusan niaga.

7. Mengapakah nota kredit dihantar kepada pembekal? CLO1
T3

- I. Caj angkutan dikenakan kepada pembeli.
- II. Pembeli memulangkan barang niaga yang rosak.
- III. Pengurangan jumlah bayaran pada invois pembeli.
- IV. Caj faedah kerana lewat membayar hutang yang dikenakan kepada pembeli.

- A I, II
- B I, IV
- C II, III
- D III, IV

8. Dialog berikut berlaku antara Encik Adam dengan Puan Sofia mengenai CLO1
dokumen perniagaan. T3

Adam: Puan Sofia, invois yang syarikat kami hantar semalam telah tertinggal caj angkutan.

Sofia: Ye ke? Encik Adam nak betulkan dalam invois itu ke?

Adam: Tak perlu. Saya akan hantar satu dokumen untuk menambahkan jumlah bayaran yang terkurang caj dalam invois.

Apakah dokumen yang akan dihantar oleh Encik Adam?

- A Nota debit
 - B Nota kredit
 - C Makluman debit
 - D Makluman kredit
9. Antara berikut, urus niaga manakah yang **TIDAK** dicatatkan ke dalam Jurnal CLO1
Am? T3
- A Membuat belian secara kredit.
 - B Mengambil barang niaga untuk kegunaan peribadi.
 - C Menghapuskan akaun penghutang sebagai hutang lapuk.
 - D Peniaga membawa masuk komputer untuk kegunaan pejabat.

10. Jurnal Am yang berikut diperoleh daripada Syarikat Eshal.

CLO1

T3

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jun 3	Kenderaan Pusat Kenderaan Elina (Z)		12,500.00	12,500.00

Jadual 1

Apakah keterangan yang paling sesuai untuk dicatatkan di Z?

- A Menjual kenderaan secara kredit.
 - B Membeli kenderaan secara kredit.
 - C Ambilan kenderaan untuk kegunaan peribadi.
 - D Membawa masuk kenderaan ke Pusat Kenderaan.
11. Pilih perbezaan yang **BETUL** mengenai diskaun niaga dan diskaun tunai.

CLO1

T3

	Diskaun Tunai	Diskaun Niaga
A	Mendorong pembeli mempercepat bayaran.	Menggalakkan pembeli membuat pembelian secara pukal.
B	Menggalakkan pembelian dalam kuantiti yang besar.	Mendorong pembeli kerap melakukan urusan niaga belian.
C	Mendorong peniaga meningkatkan jualan perniagaan.	Menggalakkan peniaga menjalankan urusan niaga secara kredit.
D	Menggalakkan pembeli membeli secara tunai.	Mendorong pembeli membayar dengan segera.

12. Cik Embun membeli alat tulis bernilai RM50.00 secara kredit daripada CLO1
Perniagaan Minda untuk kegunaan pejabat. T3

Apakah akaun yang terlibat bagi urus niaga tersebut?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Belian	Perniagaan Minda
B	Perniagaan Minda	Belian
C	Alat tulis	Perniagaan Minda
D	Perniagaan Minda	Alat tulis

13. Pilih catatan bergu yang **BETUL** bagi urus niaga Syarikat Ernie.

CLO1

T3

	Urus niaga	Debit	Kredit
I	Bayar Syarikat Hael dengan cek.	Akaun Bank	Syarikat Hael
II	Belian barangan secara kredit daripada Pembekal Aina.	Akaun Belian	Pembekal Aina
III	Bayar insurans dengan cek kepada Marsha Insurans.	Marsha Insurans	Akaun Insurans
IV	Jualan perabot terpakai secara tunai.	Akaun Tunai	Akaun Perabot

- A** I, II
B I, III
C II, IV
D III, IV

14. Apakah fungsi Imbangan Duga?

CLO1

T4

- A Menghitung jumlah modal.
- B Mengira untung kasar dan untung bersih.
- C Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.
- D Menyemak ketepatan pengiraan catatan dalam buku catatan pertama.

15. Antara yang berikut, manakah yang **BETUL** mengenai Imbangan Duga?

CLO1

T4

- A Menunjukkan persamaan perakaunan.
- B Menunjukkan ketepatan catatan bergu.
- C Menunjukkan kedudukan kewangan firma.
- D Menyenaraikan semua baki akaun yang dipindahkan ke lejar.

16. Akaun manakah yang disenaraikan di ruangan kredit Imbangan Duga?

CLO1

T4

- A Hutang lapuk
- B Kadar bayaran
- C Diskaun diberi
- D Komisen diterima

17. Maklumat berikut berkaitan dengan kesilapan dalam Imbangan Duga.

CLO1

T4

Kesilapan berlaku apabila urusan niaga dicatatkan dalam jenis akaun yang salah.

Kesilapan di atas merujuk kepada _____

- A kesilapan prinsip.
- B kesilapan amaun.
- C kesilapan pengiraan.
- D kesilapan songsang.

18. Imbangan Duga di Jadual 2 yang berikut diperoleh daripada Syarikat Rajin Trading.

CLO1
T4

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024		
Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Penghutang dan pemiutang	13,890.00	10,050.00
X	1,200.00	
Belian dan Jualan	44,500.00	33,000.00

Jadual 2

Apakah **X**?

- A** Modal
- B** Diskaun diberi
- C** Overdraft bank
- D** Komisen diterima

19. Manakah catatan yang betul untuk Imbangan Duga?

CLO1
T4

	Debit	Kredit
A	Belian	Bank
B	Jualan	Insurans
C	Lengkapan	Sewa diterima
D	Pemiutang	Kadar bayaran

20. Petikan Imbangan Duga di Jadual 3 diperoleh daripada Perniagaan Mia Sdn Bhd. CLO1
T4

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024	
Butir	(RM)
Kenderaan	33,250.00
Pemiutang	19,450.00
Jualan	27,400.00
Belian	8,900.00
Gaji	4,700.00

Jadual 3

Berapakah angka imbangan pada tarikh itu?

- A RM 35,560.00
- B RM 46,850.00
- C RM 48,600.00
- D RM 93,700.00

BAHAGIAN B*[60 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.**Soalan 1**

- a) Namakan dokumen perniagaan W, X, Y dan Z yang bertepatan dengan fungsinya. CLO1
T3

Fungsi Dokumen	Dokumen
Dokumen perniagaan yang dihantar oleh penjual kepada pembeli untuk memberitahu akaunnya telah dikreditkan bagi mengurangkan hutang pembeli.	W
Dokumen perniagaan yang dikeluarkan sebagai bukti akuan penerimaan tunai atau cek.	X
Dokumen yang biasanya digunakan bagi merekod urus niaga yang berlaku antara pemilik perniagaan dengan perniagaan.	Y
Dokumen perniagaan yang dikirimkan oleh penjual kepada pembeli bersama-sama dengan barangan yang dipesan.	Z

[4 markah]

- b) Invois berikut diambil dari Kedai Komputer Jaya.

ASAL	KOMPUTER TRADING 120-C Jalan Telangi 46000 Petaling Jaya	C1130
INVOIS		
Kepada Kedai Komputer Jaya 18-J Jalan Harapan 23000 Dungun Terengganu	Tarikh : 16 Februari 2025	
Kuantiti	Butir	Harga Seunit
2 unit	Laptop ACER	1 500
2 unit	Pencetak Laser	1 000
4 unit	Pengimbas Sony	800
		8 200.00
Tolak: Diskaun niaga 20 %		1 640.00
Jumlah		6 560.00
(Ringgit Lapan Ribu Dua Ratus sahaja)		
Syarat: 10% 7 hari, 5 % 14 hari Serahan: Angkutan dibayar		
<i>Chong</i> Penerima	<i>Ramu</i> Pengurus	

Berdasarkan invois di atas;

- i. Siapakah pembeli dalam urus niaga ini?

[1 markah]

- ii. Siapakah pembekal dalam urus niaga ini?

[1 markah]

- iii. Mengapa diskaun niaga 20% diberikan kepada pembeli?

[2 markah]

c) Jelaskan fungsi bagi dokumen di bawah:

i. Makluman kredit

[2 markah]

ii. Nota Kredit

[2 markah]

d) Pada 1 Januari 2025, baki aset dan liabiliti Perniagaan Siva adalah seperti yang berikut.

Butir	Jumlah (RM)
Alatan Pejabat	8,000.00
Belian	30,000.00
Tunai	3,600.00
Bank	25,400.00
Kenderaan	9,000.00
Pemiutang: Pembekal Sam	6,500.00
Jualan	260.00
Modal	69,240.00

Senaraikan akaun yang direkodkan di bahagian debit dalam Jurnal Am.

[4 markah]

- e) Berikut adalah urusan niaga bagi Perniagaan Moon Star.

Tarikh	Urus niaga	Catatan
2025 Jan 5	Membawa masuk kenderaan peribadi bernilai RM 9,000.00 untuk kegunaan perniagaan.	A
Jan 14	Belian barang niaga secara kredit kepada Kedai Tan bernilai RM 980.00.	B
Jan 16	Beli perabot pejabat bernilai RM 5,900.00 daripada Pembekal Zali.	C
Jan 20	Menjual barang niaga secara kredit kepada Pembekal Siva bernilai RM 4,900.00.	D

Berikan jurnal yang sesuai bagi **A**, **B**, **C** dan **D** berdasarkan urusan niaga di atas.

[4 markah]

Soalan 2

CLO1

- a) Senaraikan **DUA (2)** jenis dokumen sumber yang digunakan dalam transaksi perniagaan untuk catatan dalam Buku Perakaunan.

CLO1 T3
T3CLO
T3

[2 markah]

- b) Senaraikan **EMPAT (4)** jenis Jurnal Khas.

[4 markah]

- c) Nyatakan **EMPAT (4)** akaun yang terdapat dalam Lejar Am.

[4 markah]

- d) Maklumat dibawah adalah langkah – langkah bagi mengimbang dan menutup Buku Tunai.

Langkah – langkah mengimbang dan menutup Buku Tunai	
I	
II	Jumlah yang besar ditulis dibahagian jumlah dibahagian debit dan kredit.
III	Tulis perbezaan sebagai baki h/b dilajur yang jumlahnya lebih kecil.
IV	

Nyatakan langkah **I** dan **IV** bagi melengkapkan langkah-langkah mengimbang dan menutup Buku Tunai.

[4 markah]

- e) Berikut adalah urusniaga bagi Perniagaan Bella.

CLO1

T1

Tarikh	Urus niaga	Debit	Kredit
2025 Feb 2	Beli barang niaga RM 6,500.00 daripada Syarikat Syed secara kredit.	M	Syarikat Syed
Feb 5	Jualan barang niaga RM 3,000.00 secara tunai .	N	Jualan
Feb 10	Puan Bella membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan.	Alat Pejabat	O
Feb 15	Derma kepada rumah orang tua RM 500.00.	P	Tunai
Feb 23	Puan Bella mengambil barang niaga untuk tujuan promosi	Promosi	Q
Feb 25	Membayar gaji pekerja RM 1,500.00 dengan cek HSBC202687.	Gaji	R

Apakah akaun yang sesuai bagi **M**, **N**, **O**, **P**, **Q** dan **R** berdasarkan urus niaga di atas.

[6 markah]

Soalan 3

- a) Senaraikan **DUA (2)** fungsi Imbangan Duga.

CLO1

T4

[4 markah]

- b) Baki-baki yang berikut diambil daripada buku Perniagaan Ramesh pada 30 Jun 2025.

Butir	Jumlah (RM)
Modal	23,480.00
Perabot	12,560.00
Jualan	54,600.00
Alat tulis	840.00
Belian	30,934.00
Pulangan keluar	1,854.00
Tunai	36,500
Komisen diterima	900.00

Sediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2025.

[8 markah]

- c) Imbangan Duga yang diperolehi daripada Syarikat Arjuna pada 31 Disember 2025 berikut mempunyai beberapa kesilapan.

Syarikat Arjuna Imbangan Duga pada 31 Disember 2025		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Tunai ditangan		22,160.00
Pinjaman bercagar	4,810.00	
Jualan		232,730.00
Kadar bayaran	13,980.00	
Belanja membaiki		7,480.00
Gaji	3,870.00	3,870.00
Mesin	98,000.00	
Penghutang		28,200.00
Modal	108,384.00	
Belian	116,520.00	
Pemiutang	13,080.00	
Stok		15,300.00
Diskaun diberi	360.00	
Diskaun diterima	180.00	

Tukarkan Imbangan Duga di atas kepada Imbangan Duga yang betul.

[8 markah]